

SULIT



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN KEDIAMAN  
KOD KURSUS : BBL 20302  
PROGRAM : 1 BBV  
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014  
MASA : 3 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN DARI  
BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN  
B SERTA JAWAB **DUA (2)**  
SOALAN DALAM BAHAGIAN C

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT BELAS (14)** MUKA SURAT


SULIT

## BAHAGIAN A


**JAWAB SEMUA SOALAN BAHAGIAN INI DENGAN MEMBULATKAN JAWAPAN YANG TEPAT PADA KERTAS SOALAN INI.**

S1 Antara berikut di bawah, mana satukah susun atur ruang berbentuk 'H' ?


A.




B.



C.



D.




S2. Apakah fungsi ruang berbentuk 'H' tersebut di atas ?

- A. Menyimpan barang – barang.
- B. Melakukan kerja pembersihan dan penyenggaraan.
- C. Melakukan aktiviti membersihkan dan mengosok pakaian.
- D. Melakukan aktiviti menyediakan, memasak dan menyimpan makanan.

S3. Tempat kediaman perlu memenuhi keperluan keluarga kecuali

- A. berteduh dari hujan dan panas.
- B. berniaga barangan keperluan harian.
- C. berlindung daripada bencana dan penjenayah.
- D. berinteraksi dan melaksanakan aktiviti harian.

S4. Rajah S4 adalah sejenis ruang di rumah kediaman.



Rajah S4

Apakah fungsi ruang tersebut ?

- A Tempat menyimpan barang - barang.
- B Berehat dan berinteraksi bersama keluarga.
- C Tempat berehat dan di mana letaknya ' wardrobe '.
- D Tempat melakukan aktiviti- aktiviti penyelenggaraan.

S5. Perkara yang perlu diberi perhatian semasa memilih tempat kediaman bagi memenuhi keperluan dalam kitaran keluarga adalah

- A. Saiz keluarga.
- B. Peringkat kitaran hidup ahli.
- C. Keperluan status dan imej yang mewah.
- D. Keperluan khas ahli yang cacat atau tua dan uzur.

S6. Pengudaraan yang baik akan menjamin keselesaan dan kesihatan ahli seperti

- A. Mengelakkan bau dan memberi udara segar.
- B. Menerbitkan suasana harmoni dan nyaman.
- C. Menjauhi jangkitan penyakit dan meningkatkan tahap kesihatan.
- D. Menjalinkan siratulrahim di antara ahli keluarga dan masyarakat.

S7. Pencemaran persekitaran boleh diklasifikasikan kepada tiga jenis pencemaran kecuali

- A. pencemaran Air.
- B. pencemaran Otak.
- C. pencemaran Bunyi.
- D. pencemaran Udara.


S8. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan fungsi ruang di tempat kediaman.

- Melakukan aktiviti pembersihan dan penyenggaraan
- Tempat mendobi

Ruang tersebut adalah

- A. ruang tamu.
- B. ruang kerja.
- C. ruang sosial.
- D. ruang persendirian.

S9. Rajah S9 di bawah adalah sejenis ruang di rumah kediaman.



Rajah S9

Apakah fungsi ruang tersebut ?

- A. Melayan tetamu.
- B. Menjamu selera.
- C. Menyimpan barang.
- D. Meletakkan 'wardrobe'.

S10. Langkah-langkah mengatasi pencemaran udara termasuklah


- A. penampalan ozon.
- B. penggunaan kenderaan elektrik/solar.
- C. kitarsemula.
- D. semua di atas.

- S11. Kenapa peranan keluarga amat penting dalam mengekalkan persekitaran yang Bersih dan selamat?
- A. Peranan keluarga amat berbeza dengan individu.
  - B. Segalanya bermula dari dalam rumah atau keluarga.
  - C. Keluarga adalah merupakan *role model* dalam sekolah.
  - D. Melalui keluarga sahaja kerja gotong royong dapat dibuat.
- S12. Peranan keluarga dalam mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat dengan mengamalkan perkara di bawah kecuali
- A. pengurusan sampah dengan betul.
  - B. mengamalkan pembakaran terbuka.
  - C. mengamalkan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*).
  - D. mengekalkan kebersihan di dalam dan luar rumah kediaman.
- S13. Apakah manfaatnya anda menggunakan semula bahan terbuang?
- A. Mengumpul bahan lama untuk disimpan.
  - B. Mengurangkan kos pengurusan sampah.
  - C. Tidak membuang sampah merata-rata tempat.
  - D. Menggunakan sampah berkali-kali sebelum dibuang.
- S14. Dalam program kitar semula, tong sampah yang berwarna jingga adalah khas untuk
- A. kertas.
  - B. plastik dan aluminium.
  - C. bahan buangan daripada kaca.
  - D. semua jenis-jenis sampah sarap.
- S15. Berikut di bawah adalah sumber pengudaraan untuk rumah kediaman kecuali
- A. tingkap.
  - B. kipas.
  - C. kekisi.
  - D. kincir angin.

- S16. Bagaimanakah anda boleh menjimatkan penggunaan air?
- A. Menggunakan air paip sesuka hati.
  - B. Membasuh kereta dengan menggunakan air dari pili bomba.
  - C. Membasuh kereta dengan menggunakan air yang ditakung dalam bekas.
  - D. Membasuh kereta dengan menggunakan air paip yang dibuka berterusan.
- S17. Apakah bahan-bahan yang tidak mudah lupus dan tidak baik bagi persekitaran?
- A. Botol kaca.
  - B. Pembungkus plastik.
  - C. Pembungkusan kertas
  - D. Kotak kayu.
- S18. Bagaimana anda dapat membantu menjayakan program penggunaan semula?
- A. Membeli semua barangan terpakai walaupun tidak perlu.
  - B. Membeli barangan terpakai apabila perlu.
  - C. Menyimpan sahaja barangan yang tidak digunakan.
  - D. Membuangkan semua jenis barangan di tempat yang sama.
- S19. Bagaimanakah anda dapat mengurangkan penggunaan sumber tenaga?
- A. Menggosok sehelai baju setiap hari.
  - B. Menggosok baju untuk keperluan seminggu.
  - C. Menggosok baju apabila ingin memakai pakaian.
  - D. Semua yang dinyatakan di atas.
- S20. Berikut di bawah adalah kesan daripada penggunaan elektrik kecuali
- A. Merubah gaya hidup.
  - B. Keselesaan.
  - C. Menjimatkan tenaga dan masa.
  - D. Meningkatkan menjimatkan kos belanja.

Soalan S21 adalah berdasarkan gambarajah Graf S21.

Graf S21 di bawah ini adalah menunjukkan peratusan laporan alam sekitar daripada Utusan Pengguna 2001. Peratusan tersebut menunjukkan kadar pencemaran alam.



Graf S21

S21. Apakah jenis pencemaran tersebut?

- A. Pencemaran bunyi.
- B. Pencemaran udara.
- C. Pencemaran air.
- D. Pencemaran bau.

S22. Ruang persendirian berfungsi sebagai tempat di mana individu melakukan aktiviti seperti;

- I. Berehat dan mengurus diri,
- II. Menerima tetamu
- III. tidur, belajar,
- IV. membersihkan diri.

- A. I, II dan IV sahaja.
- B. I, II dan III sahaja.
- C. I, III dan IV sahaja.
- D. I, II, III dan IV.

S23. Dalam mengaplikasikan keperluan ergonomik dalam ruang kediaman anda seharusnya mempraktikkan perkara seperti di bawah ini kecuali

- A. Alatan dan bahan hendaklah disimpan di tempat yang hendak digunakan.
- B. Alatan dan bahan hendaklah disimpan supaya senang dilihat dan dicapai.
- C. Alatan dan bahan bolehlah disimpan di mana juga asalkan anda rasa bahagia.
- D. Alatan dan bahan yang hendak digunakan dalam satu proses perlu disimpan bersama.

S24.

- Dilakukan hujung minggu
- Mengambil masa yang lebih lama
- Pembahagian tugas antara ahli keluarga.
- Mengelap tingkap dan perabot,bersih bilik mandi dan tandas, mop lantai

Ciri yang dinyatakan di atas adalah merupakan

- A. pembersihan berkala.
- B. pembersihan harian.
- C. pembersihan mingguan.
- D. pembersihan tahunan.

S25. Selain daripada bersesuaian dengan ruang, ciri lantai yang baik harus:

- I tahan lasak.
  - II tidak licin.
  - III rata dan cantik.
  - IV mudah dibersihkan.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B II dan III sahaja.
  - C I, II dan III sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

S26. Berikut adalah jenis-jenis lantai untuk rumah kediaman kecuali

- A. simen.
- B. Mozek.
- C. Terrazzo.
- D. Asbestos.

S27. Pengudaraan adalah

- A. proses pembuangan gas toksid.
- B. proses pemanasan udara untuk iklim sejuk pada musim salji.
- C. proses penggantian udara yang panas dengan udara yang segar dan nyaman.
- D. proses penggantian udara sejuk dengan udara panas untuk penyimpanan barang.



Soalan S28-S30 berdasarkan kepada jadual seperti berikut:

Kategori	Ciri-ciri
A.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warna ini menjadikan ruang kecil kelihatan Besar,</li> <li>• Siling yg rendah kelihatan tinggi</li> <li>• Mewujudkan suasana ceria dan cerah</li> </ul>
B.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warna ini menjadikan ruang kecil kelihatan luas/ besar, :</li> <li>• Siling yg rendah kelihatan tinggi</li> <li>• Menjadikan suasana lebih sejuk, tenang dan harmonis</li> </ul>
C.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warna ini menjadikan ruang besar kelihatan kecil</li> <li>• Siling tinggi kelihatan rendah</li> <li>• Suasana ruang tenang, redup dan muram</li> </ul>

S28. Ciri-ciri bagi warna gelap adalah dalam kategori

S29. Ciri-ciri bagi warna terang adalah dalam kategori

S30. Ciri-ciri bagi warna lembut adalah dalam kategori

S31. Antara berikut yang manakah mempengaruhi keselesaan sebuah tempat kediaman?

- A. Mempunyai banyak ruang.
- B. Kelengkapan rumah yang terkini.
- C. Susun atur yang kemas dan selamat.
- D. Pemilihan kawasan tempat kediaman.

S32. Penggunaan alatan hiasan yang manakah menjadikan ruang yang kecil kelihatan lebih luas?

- A. Cermin dinding.
- B. Langsir berwarna gelap.
- C. Hiasan tumbuhan yang besar.
- D. Perabot yang tinggi dan besar.

- S33. Apakah jenis lampu yang menghasilkan pencahayaan am?
- A. Lampu meja.
  - B. Lampu siling.
  - C. Lampu dinding.
  - D. Lampu pendafLOUR.
- S34. Membaca buku sehingga lewat malam. Apakah jenis lampu yang sesuai digunakan?
- A. Lampu meja.
  - B. Lampu pendafLOUR.
  - C. Lampu hiasan siling.
  - D. Lampu hiasan dinding.
- S35. Antara berikut yang manakah boleh menyediakan pengudaraan yang baik untuk sebuah rumah kediaman.
- A. Saiz dan kedudukan tingkap.
  - B. Saiz dan kedudukan pintu.
  - C. Saiz dan kedudukan kekisi.
  - D. Saiz dan kedudukan kipas.
- S36. Apakah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan pengudaraan bagi bilik yang tidak mempunyai tingkap yang mencukupi?
- A. Membina pintu yang besar.
  - B. Memasang kaca pada siling.
  - C. Memasang alat penyaman udara.
  - D. Mengehadkan penggunaan perabot.
- S37. Antara berikut warna manakah boleh memberi suasana ruang yang sejuk, tenang dan selesa?
- A. Coklat.
  - B. Merah.
  - C. Biru Tua.
  - D. Hijau Muda.

S38. Mengapakah lampu pendaflour sesuai dipasang di ruang dapur?

- A. Menjimatkan kos elektrik.
- B. Cahayanya sangat terang.
- C. Tidak menyilaukan mata ketika bekerja.
- D. Cahayanya menerangi seluruh ruang tanpa halangan.

S39. Apakah ciri-ciri lantai yang baik?

- I Rata.
  - II Licin.
  - III Cantik.
  - IV Tahan Lasak.
- A. I, II dan III sahaja.
  - B. I, II dan IV sahaja.
  - C. I, III dan IV sahaja.
  - D. II, III dan IV sahaja.

S40. Pilih cara yang betul tentang cara menghias tempat kediaman.

- A. Pilih hiasan yang menjadi kegemaran setiap ahli keluarga.
- B. Hiasan tambahan yang banyak akan meningkatkan keceriaan ruang.
- C. Jenis dan bentuk lampu akan memberi kesan kepada seni hiasan ruang
- D. Pilihan warna hiasan yang pelbagai menjadikan suasana ruang lebih harmoni.

**BAHAGIAN B**

**JAWAB SEMUA SOALAN BAHAGIAN INI DI ATAS KERTAS SOALAN INI.**

S1. Apakah maksud pencemaran udara

---

---

---

(3 markah)

S2. Nyatakan dua(2) kesan pencemaran air kepada alam sekitar

a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_

(2 markah)

S3. Nyatakan lima (5) langkah untuk mengatasi pencemaran air

a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_  
c. \_\_\_\_\_  
d. \_\_\_\_\_  
e. \_\_\_\_\_

(5 markah)

S4. Nyatakan empat (4) punca pencemaran udara

a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_  
c. \_\_\_\_\_  
d. \_\_\_\_\_

(4 markah)

S5. Nyatakan empat (4) langkah mengatasi pencemaran udara

a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_  
c. \_\_\_\_\_  
d. \_\_\_\_\_

(4 markah)

S6. Nyatakan dua (2) kesan bunyi terhadap manusia

a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_

(2 markah)

**BAHAGIAN C****JAWAB DUA SOALAN SAHAJA.**

- S1. Air ialah pelarut universal kerana banyak jenis bahan kimia larut di dalamnya. Sifat air yang mudah melarut menyebabkan ia senang berlaku pencemaran. Pencemaran boleh menyebabkan ianya tidak selamat untuk kehidupan air dan manusia. Pencemaran boleh terjadi disebabkan samaada dari segi biologi, kimia ataupun fizikal.
- a. Nyatakan kegunaan air dalam kehidupan seharian manusia. (4 markah)
  - b. Huraikan dengan ringkas ketiga-tiga penyebab kepada pencemaran tersebut. (6 markah)
  - c. Nyatakan kesan daripada pencemaran tersebut. (5 markah)
  - d. Bincangkan bagaimana masyarakat dapat mengawal pencemaran air ini daripada berlaku. (5 markah)
- S2. Pencahayaan yang mencukupi amat penting untuk rumah kediaman Kedudukan dan saiz tingkap serta lampu yang sesuai penting untuk memberi pencahayaan yang maksimum
- a. Jelaskan tentang tiga aspek pencahayaan di rumah kediaman. (6 markah)
  - b. Nyatakan hubungan pencahayaan dengan skema warna dalam rumah kediaman. (5 markah)
  - c. (5 markah)
  - d. Bincangkan 3 jenis skema warna yang terdapat dalam ruang rumah kediaman. (9 markah)
- S3 Sumber tenaga amat penting dalam kehidupan seharian manusia. Ada beberapa sumber yang dapat digunakan untuk menghasilkan tenaga bagi menjalankan aktiviti.
- a. Bincangkan dengan ringkas sumber tenaga utama yang digunakan dalam kehidupan seharian. (5 markah)
  - b. Nyatakan kaedah yang digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik (6 markah)
  - c. Nyatakan kesan negatif penggunaan alat penghawa dingin samada di rumah atau secara global. (9 markah)

- S4. **Rumah hijau**, atau **rumah kaca** ialah satu bangunan yang diperbuat daripada kaca atau plastik yang membolehkan penanaman yang terlindung dan terkawal. Haba dari cahaya matahari yang menembusi strukturnya yang lutsinar memanaskan tumbuh-tumbuhan dan tanah di dalamnya. Selain itu, udara di dalamnya turut dipanaskan dan kekal tanpa boleh terlepas keluar daripada bangunan ini.
- a. Nyatakan 2 faktor kesan rumah hijau (2 markah)
  - b. Nyatakan kesan rumah hijau ke atas bumi (2 markah)
  - c. Bincangkan tentang pemanasan global. (8 markah)
  - d. Bincangkan bagaimana peranan keluarga dalam membantu menurunkan kadar pemanasan global tersebut (8 markah)

**SOALAN TAMAT**